

## Bab 1            Kehadiran Peradaban Cina di Malaya

Konsep peradaban yang berlawanan dengan konsep “*babarian*” mula dikemukakan oleh pemikir perancis pada abad ke-17. Masyarakat yang beradab berlainan dengan masyarakat lain kerana terbentuknya sebuah masyarakat yang bermastautin, mengalami proses urbanisasi dan penduduknya adalah celik huruf. Konsep peradaban juga sering dikait malah disamaartikan dengan konsep “*budaya*,” namun pada hakikatnya peradaban berbeza daripada budaya, misalnya sarjana barat, Edward McNall Burn dan Philip Lee Ralph, membezakan kedua-dua konsep dengan berkata:

*We can say that a culture deserves to be called a civilization when it has reached a stage advancement in which writing progress has been made in the arts and sciences, and political, social, and economical institutions have developed sufficiently to conquer at least some of the problems of order, security and efficiency in the society.*<sup>1</sup>

Oleh yang demikian, definisi peradaban boleh disimpulkan sebagai taraf kemajuan dan pembangunan kebudayaan yang tinggi dan dicirikan oleh tahap pencapaian yang tinggi dalam kesenian, agama, sains, pendidikan, bahasa dan organisasi sosial serta politik.

Disertasi ini mengkaji bagaimana orang Cina selaku pewaris peradaban Cina bertembung dengan peradaban tempatan pada era kemerdekaan Malaya, ia merangkumi pertembungan dalam isu sosial, budaya, politik dan pendidikan yang

---

<sup>1</sup> Edward McNall Burn dan Philip Lee Ralph, *Civilizations from Acient to Contemporary*. New York: W.W. Norton & Company Ins., m/s 23-24.

menjadi intipati peradaban yang membentuk identiti luaran mereka. Ini bermaksud kajian penyesuaian peradaban yang merupakan tema utama disertasi ini dijalankan dengan mengambil kaedah yang melakukan penelitian terhadap perubahan identiti luaran yang sebenarnya merupakan manifestasi peradaban masyarakat Cina.

Bagi masyarakat Cina, fahaman Konfusianisme, Daoisme dan Buddhism menjadi asas perabadian Cina. Ketiga-tiga fahaman tersebut menjadi tunggak penting dalam peradaban Cina.<sup>2</sup> Martin Lu, seorang pengkaji peradaban Cina berkata:

*We must assume that the Confucianism is the main stream of Chinese culture and any confucian doctrine would inevitably leave a great imprint upon the cultural make-up of the people.<sup>3</sup>*

Antaranya, Konfusianisme telah mempengaruhi orang Cina dari segi nilai kasih sayang atau *ren* 仁, penghormatan terhadap ibu bapa atau *xiao* 孝 dan ketaatsetiaan atau *zhong* 忠 terhadap negara dan Maharaja.<sup>4</sup> Namun, pegangan tersebut menerima cabaran apabila mereka datang ke Malaya. Yan Qinghuang 颜清湟 (Yen Ching-Hwang), seorang pengkaji sejarah Cina Malaysia mendapati masyarakat Cina Singapura dan Malaya sebenarnya bukanlah terbentuk secara

<sup>2</sup> Wang Gungwu, *Latar Belakang Kebudayaan Penduduk-Penduduk di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962, m/s 5.

<sup>3</sup> Martin Lu, *Confucianism: Its Relevance to Modern Society*. Singapore: Federal Publications, 1983, m/s 35-36.

<sup>4</sup> Yan Qinghuang 颜清湟, *Xin Ma Huaren Shehuishi* 新马华人社会史 (*Sejarah Masyarakat Cina Malaya dan Singapura*). Beijing: Zhongguo Huaqiao Chuban Gongsi 中国华侨出版社, 1991, m/s 19.

semula jadi, tetapi terbentuk daripada peradaban yang diagihkan daripada negara asal.<sup>5</sup>

Sikap mengutamakan pendidikan yang sering dikaitkan dengan penghormatan terhadap ibu bapa merupakan antara satu pengaruh Konfusianisme yang penting. Seseorang yang berpendidikan bukan sahaja menerima penghormatan tinggi dalam masyarakat Cina, malah mengharumkan nama keluarga serta menggembirakan ibu bapa. Dalam hal ini, Wang Gungwu berpendapat:

*... it is important to note from the start that the Chinese are not only wealth-conscious, but also status and education-conscious. In traditional society in China where education was for the few and led to great honour.<sup>6</sup>*

Selain itu, nilai ketaatsetiaan atau *zhong* pula merupakan nilai tradisi peradaban yang amat diambil berat oleh masyarakat Cina. Apabila ditanya mengenai hubungan antara Maharaja dengan rakyat jelata, Konfucius berkata:

Maharaja apabila menggerahkan rakyat harus berpandukan tatasusila, dan rakyat harus taat setia terhadap Maharaja.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Yen Ching Hwang, *The Overseas Chinese and The 1911 Revolution, With Special Reference to Singapore and Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976, m/s 10.

<sup>6</sup> Wang Gungwu, *Community and Nation: China, Southeast Asia and Australia*. Australia: Allen & Unwin Pty Ltd., 1981, m/s 237.

<sup>7</sup> Ayat 3:19 dalam *Analects Confusion* adalah menurut versi Yang Bojun 杨伯峻, *Lunyu Zhishi 论语注释* (Terjemahan dan Penafsiran Lunyu). Hong Kong: Zhonghua Shuju 中华书局, 1984, m/s 3.

Dalam soal *zhong*, Wang Gungwu dalam hasil kajian ke atas latar belakang masyarakat Cina Tanah Melayu menjelaskan keikhlasan yang setinggi-tingginya ialah di tengah-tengah hati, dan sifat peribadi yang terkaya sekali ialah kesetiaan kepada Maharaja yang menjadi satu daripada cita-cita utama dalam ajaran Konfucius.<sup>8</sup>

Memandangkan ketiaatan terhadap Maharaja dan Negara China sudah lama terpendam dalam hati masyarakat Cina dan dipelopori oleh pihak berkuasa Dinasti Qing (1644-1911), jadi tidak hairanlah sentimen tersebut menjadi halangan kepada peralihan orientasi politik yang akan dibincangkan dalam disertasi ini. Semangat ketiaatan ini turut mendorong mereka terus berpegang kepada peradaban Cina dan dimanifestasikan menerusi keengganan mereka untuk menerima sesetengah unsur peradaban tempatan.

Perkembangan sejarah imigrasi orang Cina ke Malaya menyaksikan bagaimana pertembungan peradaban berlaku serta persekitaran baru yang penuh dengan cabaran menyebabkan masyarakat Cina terpaksa menyesuaikan wajah peradaban dan kesetiaan politik. Oleh yang demikian, wajah peradaban yang diwarisi mereka telah disesuaikan dengan persekitaran baru, dan pegangan identiti mereka turut berubah, keadaan ini membawa kepada kewujudan satu bentuk wajah peradaban tersendiri di kalangan imigran Cina Malaya pada era kemerdekaan. Wajah baru peradaban tersebut terbentuk akibat pelbagai liku

---

<sup>8</sup> Wang Gungwu, *Latar Belakang Kebudayaan Penduduk-Penduduk di Tanah Melayu*, m/s 12-13.

kesusahan yang terpaksa mereka harungi demi menjaga kesinambungan peradaban.

Pada masa yang sama, mereka turut berhadapan dengan hasrat negara baru yang sering bertentangan dengan keinginan kesinambungan peradaban mereka. Justeru itu, pengalaman orang Cina di Malaya menjelang era kemerdekaan dan pertembungan serta percanggahan yang berlaku boleh dilihat sebagai satu pengalaman atau bahan kajian yang berguna bagi kita memahami gejala pertembungan antara peradaban.

Penghijrahan orang Cina ke seberang laut telah lama mendapat perhatian pelbagai pihak dan ramai sarjana yang menjalankan kajian ke atasnya, misalnya, G. William Skinner, Cui Guiqiang 崔貴強, Skinner Donald Willmott, Wang Gungwu dan Charles Coppel merupakan antara sarjana yang pernah menjalankan kajian mereka ke atas orang Cina di Asia Tenggara. Cui Guiqiang pernah menjalankan kajian ke atas isu perubahan identiti negara (politik) orang Cina yang mengambil masa selama sepuluh tahun dan menerbitkan buku *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang*, 1945 – 1959 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959). Dalam buku tersebut, beliau menghuraikan perubahan identiti negara orang Cina Malaya dan Singapura secara sistematik dengan membuat kajian mendalam terhadap perkembangan sejarah dan politik yang berlaku. Beliau menggariskan tahun 1950-an sebagai titik perubahan identiti negara orang Cina. Namun, kajiannya hanya setakat era 1950-an dan implikasi perubahan identiti negara

tersebut yang berlaku selepas era merdeka adalah di luar lingkungan kajian beliau.<sup>9</sup>

Seterusnya, pada tahun 1990, Wang Gungwu menerbitkan bukunya *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut). Buku ini memberi fokus terhadap hubungan Negara China dengan orang Cina seberang laut, perdagangan orang Cina di seberang laut serta isu-isu peradaban orang Cina seberang laut. Isu peradaban dan pegangan identiti orang Cina juga mendapat perhatian khusus dalam buku tersebut, beliau telah mengemukakan konsep “kepelbagaian identiti” (*multiple identities*) yang berjaya menerangkan pelbagai hakikat pegangan identiti orang Cina terutamanya antara ketegangan yang wujud antara peradaban Cina dengan hasrat negara baru.<sup>10</sup> Oleh yang demikian, dapat disimpulkan Cui Guiqiang telah memberi tumpuan terhadap aspek politik dan Wang Gungwu pula memberi perhatian khusus dari segi sejarah, hasil kerja kedua-dua sarjana berjaya memaparkan soal pertembungan peradaban yang pernah dialami oleh orang Cina dari segi sejarah dan politik, maka hasil kajian mereka menjadi bahan rujukan penting bagi memahami persejarahan peradaban orang Cina Malaya dan Singapura serta berjaya memperjelaskannya melalui pemaparan perubahan pegangan identiti budaya dan politik yang berlaku sepanjang masa.

<sup>9</sup> Sila rujuk Cui Guiqiang 崔贵强, *Xinma Huaren Guojia Rentong De Zhuanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959). Singapura: Nanyang Xuehui 南洋学会, 1989.

<sup>10</sup> Wang Gungwu, *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut). Taipei: Shangwu Chubanshe 商务出版社, 1994, m/s 247.

Seterusnya, satu lagi kajian cabaran peradaban Orang Cina dijalankan oleh Li Kaizhong 林开忠, hasil kajian beliau diterbitkan dalam buku *Jiangou Zhong De ‘Huaren Wenhua’ : Zuqun Shuxing, Guojia yu Huajiao Yundong* 建构中的‘华人文化’：族群属性、国家与华教运动 (Pembinaan Peradaban Orang Cina: Etniksiti, Negara dan Gerakan Pendidikan Cina). Buku tersebut memberi fokus terhadap gerakan pendidikan Cina Malaysia. Keistimewaan buku tersebut ialah beliau memperjelaskan perkembangan pembentukan peradaban orang Cina melalui teori-teori etniksiti barat. Namun, memandangkan kajian penyesuaian peradaban orang Cina beliau ditinjau melalui menelitian terhadap gerakan pendidikan Cina, jadi perkembangan penyesuaian peradaban orang Cina sepanjang sejarah, khasnya era kemerdekaan Malaya yang memperlihatkan perubahan drastik peradaban orang Cina tidak menjadi tumpuan penulisan beliau.<sup>11</sup>

Oleh yang demikian, bagi mengisi kekurangan tersebut, disertasi ini berusaha memperjelaskan perkembangan penyesuaian peradaban orang Cina pada era kemerdekaan Malaya melalui beberapa teori etniksiti barat. Seterusnya, kesan-kesan perubahan tersebut juga ditinjau supaya kajian ke atas identiti orang Cina tidak terhenti setakat era kemerdekaan. Jadi, satu kajian peradaban Cina Malaya yang memperjelaskan perkembangan sejarah melalui teori-teori etniksiti serta impak-impak yang berlarutan diusahakan melalui penulisan disertasi ini. Usaha ini diharapkan dapat memberi penjelasan yang lebih menyeluruh mengenai

<sup>11</sup> Sila rujuk Lin Kaizhong 林开忠, *Jiangou Zhong de “Huaren Wenhua” : Zuqun Shuxing, Guojia yu Huajiao Yundong* 建构中的“华人文化”：族群属性、国家与华教运动 (Pembinaan Peradaban Orang Cina: Etniksiti, Negara dan Gerakan Pendidikan Cina). Kuala Lumpur: Huashe Yanjiu Zhongxin 华社研究中心, 1999.

persejarahan peradaban serta liku-liku perubahan pegangan identiti orang Cina Malaya.

Di samping itu, diharapkan juga penjelasan tentang penyesuaian peradaban dan faktor-faktor yang menyumbang terhadapnya bukan sahaja dapat menyumbang kepada pemahaman kita mengenai kesan-kesan pertembungan antara peradaban, malah ia juga mendalamkan pemahaman kita terhadap kesan sampingan hasil pertembungan tersebut, khasnya percaturan politik selepas merdeka yang berunsur perkauman.

Bagi memenuhi tujuan tersebut, latar belakang orang Cina akan diteliti terlebih dahulu dalam bab 1, bahagian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman kita terhadap keadaan sebenar dan perasaan orang Cina selaku imigran, serta wajah peradaban awal mereka yang berpusat kepada Negara China.

Seterusnya, beberapa teori etniksiti yang dikemukakan oleh beberapa sarjana diuraikan dalam bab 2, dan proses penyesuaian peradaban dan perubahan identiti politik serta budaya juga diberi perhatian khusus dalam bab 2 serta 3. Bahagian ini juga menjelaskan bagaimana perubahan tersebut dimanifestasikan melalui keputusan bermastautin dan keinginan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan tempatan. Malangnya, masalah timbul apabila orang Cina yang mengalami penyesuaian peradaban tidak berubah secara keseluruhannya menurut acuan tempatan. Walaupun mereka jelas mengalami perubahan dari segi identiti

---

politik, namun mereka masih mengekalkan adat resam dan tabiat pemakaian bahasa Cina yang jelas berlainan dengan bahasa dan peradaban tempatan. Pengekalan bahasa dan peradaban asal orang Cina diperjelaskan melalui teori “ sentimen asli” (*primodial sentiment*) yang dikemukakan oleh Clifford Geertz, dan dimanifestasikan melalui gerakan pendidikan Cina yang memperjuangkan hak dan peluang pendidikan bahasa ibunda. Oleh yang demikian, disertasi ini bukan sahaja memaparkan proses penyesuaian peradaban, pada masa yang sama percanggahan antara etnik akibat hala tuju yang berlainan dalam isu peradaban, pendidikan dan politik serta dilema orang Cina dalam menghadapi polisi negara yang kadang-kala berlainan dengan hasrat mereka turut dipaparkan dalam bab 4.

Sebelum memasuki isi kandungan utama, bagi menambahkan pemahaman dan mengelakkan kekeliruan terhadap beberapa istilah atau konsep yang kerap muncul dalam disertasi ini, istilah-istilah yang berkaitan diperjelaskan terlebih dahulu.

### **1.1 Nasionalisme Tempatan dan Nasionalisme China**

Istilah “ nasionalisme” merupakan antara istilah yang kerap muncul dalam disertasi ini. Istilah ini merupakan istilah yang mula muncul di Eropah pada awal abad ke-19. Pada asasnya, nasionalisme bererti kecintaan terhadap bangsa dan negara, namun secara khususnya “ semangat nasionalisme” merujuk kepada

keinginan sesuatu populasi untuk mendirikan kerajaan sendiri di suatu kawasan yang diduduki dan melaksanakan kuasa ke atas kawasan tersebut.<sup>12</sup>

Dalam disertasi ini, istilah tersebut terbahagi kepada semangat atau perasaan yang berpusat atau berorientasi tempatan dan peradaban Cina. Bagi nasionalisme yang berorientasi China, istilah yang digunakan ialah “nasionalisme China” yang dikaitkan dengan keadaan orang Cina sebelum mengalami proses penyesuaian peradaban dan dimanifestasikan melalui kerinduan mereka terhadap negara dan kampung asal. Perasaan tersebut mendorong mereka supaya mengambil perhatian terhadap perkembangan politik negara asal, keadaan ini mengakibatkan mereka hanya prihatin terhadap peluang ekonomi yang terdapat di Malaya dan jarang mengambil tahu tentang perkembangan semasa apatah lagi mengambil bahagian dalam arena politik tempatan. Tambahan pula, nasionalisme China tersebut diperkuatkan oleh kehadiran beberapa pemimpin revolusi China, misalnya lawatan Dr. Sun Yat Sen berjaya menaikkan semangat orang Cina, konsep etnik atau “*minzu* 民族” yang dipelopori beliau mendapat perhatian luas di kalangan orang Cina.<sup>13</sup>

Sebaliknya, “nasionalisme tempatan” berbeza dengan “nasionalisme China”. Istilah ini merujuk kepada semangat kecintaan penduduk tempatan

<sup>12</sup> Elie Kedourie, *Nationalism*. London: Hutchinson & Co., 1960, m/s 9.

<sup>13</sup> *Minzu zhuyi* ialah satu konsep yang memperjuangkan bangsa Cina bersama-sama menyelamatkan nasib kaum dan kesamaan taraf bagi semua penduduk dalam Negara China baru. Menurut Dr. Sun Yat Sen (Sun Zhongshan 孙中山, 1866-1925), cita-cita tersebut boleh direalisasikan melalui 5 unsur yang membentuk sesuatu etnik, iaitu pertalian darah, kehidupan bersama, bahasa, agama dan adat resam. Sila rujuk Li Huaxing 李华兴, *Jindai Sichao Zongheng* 近代思潮纵横 (Sejarah Perkembangan Pemikiran Kontemporari). Hong Kong: Zhonghua Shuju 中华书局, 1992, m/s 164-165.

terhadap negara asal, dan keinginan mereka untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan. Nasionalisme tempatan dimulakan dengan penubuhan UMNO (United Malays National Organization) yang berusaha untuk menjaga kepentingan orang Melayu dan kemerdekaan Malaya. Perjuangan orang Melayu meransangkan orang Cina, rancangan kemerdekaan Malaya yang diperjuangkan oleh orang Melayu turut mempengaruhi mereka memikir semula pegangan identiti yang dipunyai oleh mereka selama ini. Oleh yang demikian, walaupun nasionalisme tempatan telah bermula dan banyak diperjuangkan oleh orang Melayu, pada hakikatnya perjuangan ini memberi kesan mendalam terhadap orang Cina dan India. Dalam hal ini, peralihan orientasi politik dan perubahan pegangan identiti merupakan dua langkah penyesuaian yang dilakukan mereka.

## **1.2 *Zhong Guoren, Haiwai Huaren, Huaqiao dan Huayi***

Perubahan pegangan identiti diri serta peralihan orientasi politik turut mengubah pengenalan diri orang Cina. Dalam disertasi ini, istilah-istilah seperti *zhongguo ren* 中国人, *haiwai huaren* 海外华人, *huaqiao* 华侨 dan *huayi* 华裔 sering digunakan. Keempat-empat istilah ini merupakan pengenalan diri orang Cina yang membawa pengertian berbeza serta digunakan menurut situasi, pegangan identiti serta pengorientasian politik yang berlainan.

Bagi istilah *zhongguo ren*, ia bermaksud rakyat Negara China. Kesemua orang Cina dalam dan luar negara yang masih memegang kewarganegaraan China dianggap sebagai rakyat China oleh kerajaan China, golongan ini menggelar diri mereka sebagai *zhongguo ren*.

Sementara itu, istilah *huaqiao* yang sering menimbulkan kekeliruan juga merupakan salah satu istilah pengenalan diri di kalangan masyarakat Cina. Istilah ini terdiri daripada dua perkataan, iaitu *hua* 华 atau Cina dan *qiao* 侨 yang bermaksud penumpang sementara. R. J. Coughlin merupakan salah seorang sarjana yang terawal mengemukakan istilah *huaqiao*, istilah tersebut banyak dibincangkan dalam bukunya *Double Identity: The Chinese in Modern Thailand*. Coughlin menggunakan konsep ini sebagai penjelasan terhadap keadaan orang Cina yang berpecah pendirian dalam penerimaan polisi asimilasi.

Walaupun *huaqiao* sering diterjemah sebagai orang Cina seberang laut atau *haiwai huaren* 海外华人 yang merujuk kepada semua orang Cina yang berada di luar sempadan Negara China, namun bukanlah semua *haiwai huaren* boleh digelar *huaqiao*. Secara tepatnya, *huaqiao* merujuk kepada rakyat China atau *zhongguo ren* yang menumpang sementara di seberang laut dan berhasrat kembali ke Negara China selepas satu tempoh masa tertentu. Pendek kata, walaupun kesemua orang Cina boleh dikenali sebagai *haiwai huaren*, tetapi bukanlah kesemua *haiwai huaren* boleh digelar *huaqiao*.

Pada peringkat awal, istilah *huaqiao* merujuk kepada kesemua orang Cina seberang laut oleh kerajaan China. Walau bagaimanapun, selepas kemerdekaan negara-negara Asia Tenggara pada 1950-an serta termenterainya perjanjian melarang kewarganegaraan kembar oleh kerajaan China dengan kerajaan-kerajaan negara Asia Tenggara, barulah kerajaan China membuat perbezaan antara *huaqiao* yang hanya merujuk kepada rakyat China yang menumpang sementara di seberang laut daripada orang Cina seberang laut yang telah menjadi warga asing.

Memandangkan bukanlah semua *haiwai huaren* boleh digelar *huaqiao*, dan istilah ini berkait dengan status kewarganegaraan dan kesetiaan politik seseorang individu, maka menjadi kebiasaan bagi orang Cina yang berhasrat bermastautin di seberang laut serta mereka yang telah menerima kewarganegaraan asing untuk mengelakkan diri daripada digelar *huaqiao*.

Seterusnya, pemahaman kita mengenai *huaqiao* membantu kita memahami istilah *huayi*. Secara literal, *huayi* bermaksud keturunan Cina, namun secara tepatnya ia merujuk kepada para orang Cina yang kelahiran seberang laut di mana ibu bapa mereka sudah melepaskan status kewarganegaraan Negara China. Oleh yang demikian, jika dikaitkan dengan istilah *huaqiao*, maka *huayi* bermaksud keturunan bagi orang Cina Seberang Laut yang tidak lagi mengenali diri sebagai *huaqiao*, atau boleh disingkatkan sebagai anak rakyat asing yang berketurunan Cina.

Dengan huraian ini, dapatlah kita simpulkan bahawa semua orang Cina yang berada di seberang laut dikenali sebagai *haiwai huaren*, namun hanyalah bagi mereka yang masih berpegang kepada kewarganegaraan China digelar *huaqiao*, dan *huayi* pula merujuk kepada keturunan orang Cina seberang laut yang bukan *huaqiao*.

### 1.3 Orang Cina Sebagai Penduduk Awal

Jejak langkah dan penempatan orang Cina di Asia Tenggara boleh dikesan sejak berkurun-kurun lagi, orang Cina telah membuat penempatan di Singapura sebelum kesultanan Melaka.<sup>14</sup> Jika ditinjau dari segi sejarah, hubungan dua hala China-Asia Tenggara berkait rapat dengan aktiviti perdagangan yang merupakan penggerak utama hubungan awal antara penduduk di kedua-dua kawasan. Orang Cina bukan sahaja menjalankan aktiviti perdagangan dalam negara, malah jaringan perdagangan mereka sudah berkembang ke seberang laut sejak awal lagi.

Hubungan perdagangan dua hala ini berkembang sejak Dinasti Song (960-1127) lagi, iaitu satu dinasti yang menyaksikan kemajuan teknik perkapalan dan kepesatan aktiviti pelayaran. Para pedagang Cina datang ke Asia Tenggara bagi mendapatkan hasil tanah tempatan, misalnya kayu wangi, lada hitam dan rempah merupakan antara bahan dagang yang amat diperlukan oleh para pedagang Cina.<sup>15</sup>

Menjelang abad ke-15, wujud juga penempatan Cina di Melaka, ia dipercayai merupakan antara penempatan Cina yang terawal di Malaya.<sup>16</sup> Pada tahun 1511, orang Portugis berjaya merampas kuasa pemerintahan Melaka dari Kesultanan Melayu. Walaupun pada ketika itu bilangan orang Cina masih kecil, namun pemerintah Portugis berpendapat adalah perlu untuk melantik seorang

<sup>14</sup> Terdapat rekod klasik China yang mencatatkan penempatan orang Cina di Singapura sejak akhir abad ke-14, sila rujuk Cui Guiqiang 崔貴強, *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang, 1945-1959 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959)*, m/s 1.

<sup>15</sup> Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut)*. Hong Kong: Sanlian Shudian Youxian Gongsi 三联书店有限公司, 1998, m/s 48.

Kapitan Cina bagi melicinkan pentadbiran, kapitan Cina yang pertama dilantik pada lewat abad ke-16.<sup>17</sup>

Sehingga tahun 1678, bilangan orang Cina berbanding jumlah penduduk yang terdapat di Melaka dianggarkan hanya seramai 426 daripada sejumlah 4884 orang penduduk. Walaupun bilangan mereka kecil, namun komuniti Cina tersebut merupakan asas kepada komuniti Cina yang bermastautin di Melaka hingga kini. Walau bagaimanapun, pada tahun 1683, kejayaan askar Dinasti Qing menawan semula Pulau Taiwan yang diduduki oleh Zheng Chenggong 郑成功(1624 -1662) sejak tahun 1661 menyebabkan lebih kurang 3000 orang pelarian terpaksa berimigrasi ke Asia Tenggara, khasnya Melaka. Selepas datangnya pelarian politik tersebut, berlakulah perubahan komposisi masyarakat Cina di Melaka. Golongan baru ini terpelajar, mereka berbeza dengan pedagang biasa yang rata-rata buta huruf, kedatangan mereka mempengaruhi ramai orang Cina supaya mendirikan penempatan Cina di Asia Tenggara, dengan ini kesinambungan tradisi dan peradaban Cina dapat diteruskan di Asia Tenggara.<sup>18</sup> Secara amnya, sebelum abad ke-20, jumlah orang Cina adalah kurang di Asia Tenggara. Pada tahun 1750, bilangan orang Cina dianggarkan hanya seramai 2161 orang atau 22.4 % daripada jumlah penduduk Malaya.<sup>19</sup>

---

<sup>16</sup> Ibid, m/s 172.

<sup>17</sup> Victor, Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*. Taipei: The National Institute For Compilation and Translation, 1965, m/s x.

<sup>18</sup> Yen Ching Hwang, *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution, with Special Reference to Singapore and Malaya*, m/s 2-3.

<sup>19</sup> Lin Shuihao 林水壕, He Qiliang 何启良, Hou Kok Chung 何国忠, Lai Guanfu 赖观福, eds., *Malaixiya Huaren Shi Xinbian* 马来西亚华人史新编 (Edisi Baru Sejarah Orang Cina Malaysia), Jilid 1. Kuala Lumpur: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, 1998, m/s 203.

## **1.4 Imigrasi**

Imigrasi merupakan satu gejala yang sering berlaku sepanjang peradaban Cina, memandangkan aktiviti pertanian merupakan sumber rezeki utama, maka tidak hairanlah ketidakseimbangan dan kekurangan tanah pertanian merupakan faktor utama yang menyumbang kepada gejala imigrasi. Para petani berimigrasi dari satu tempat ke tempat yang lain bagi mendapatkan tanah pertanian apabila berlakunya kekurangan tanah pertanian.

Menurut satu kajian, pada tahun 1753, nisbah antara tanah di China dengan jumlah penduduk ialah setiap orang bersama dengan 4 hektar tanah. Angka ini merosot kepada 2.36 hektar pada tahun 1812. Seterusnya, pertambahan penduduk yang pesat terus merumitkan masalah kekurangan tanah dan pengagihan tanah. Dalam keadaan ini, imigrasi dalam negara berlaku di kalangan para petani yang berusaha mendapatkan tanah pertanian. Walau bagaimanapun, menjelang peringkat akhir Dinasti Qing, masalah kekurangan tanah pertanian memuncak, maka wujudlah golongan yang terpaksa berimigrasi ke seberang laut bagi mencari nafkah.<sup>20</sup>

## **1.5 Tiga Peringkat Imigrasi Seberang Laut**

Secara amnya, imigrasi seberang laut orang Cina boleh dibahagikan kepada 3 peringkat:

---

<sup>20</sup> Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 46.

Peringkat pertama bermula pada sekitar abad ke-7. Orang Cina berimigrasi ke Pulau Taiwan, mereka mula menjalin hubungan perdagangan dengan kepulauan Asia Tenggara.

Seterusnya, peringkat kedua berlaku pada sekitar abad ke-17. Pada peringkat ini, Dinasti Qing melaksanakan larangan laut atau *haijin* 海禁, namun penduduk persisiran pantai masih keluar laut secara haram dengan mengingkari larangan tersebut. Pada tahun 1893, larangan tersebut dimansuhkan.<sup>21</sup> Menjelang tahun 1860-an, berikutan perluasan kuasa Eropah, kerajaan China terpaksa membuka pelabuhan di bahagian timurnya, maka muncullah bentuk imigrasi baru. Keadaan ini bukan sahaja membolehkan penduduk pantai bermiaga secara terbuka berbanding dengan keadaan mereka yang bermiaga secara haram sebelum ini, malah ia juga membuka banyak peluang ekonomi kepada mereka.

Akhirnya, imigrasi secara besar-besaran atau peringkat ketiga hanya wujud pada pertengahan abad ke-19 berikutan wujudnya pelbagai faktor dalam dan luaran yang mendorong imigrasi, peringkat imigrasi inilah yang menjadi tajuk perbincangan disertasi ini.

---

<sup>21</sup> Walaupun larangan laut dimansuhkan pada tahun 1893, namun orang Cina tidak seperti orang Eropah yang mendapat naungan kerajaan dalam aktiviti laut, malah tindakan keluar laut dianggap bertentangan dengan hasrat kerajaan dan individu yang keluar laut dianggap pengkhianat, sila rujuk Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 49.

## **1.6 Faktor-Faktor Imigrasi**

Imigrasi orang Cina seperti imigrasi bangsa lain, terdapat faktor tolakan dan tarikan yang mempengaruhi mereka untuk meninggalkan kampung halaman bagi mencuba nasib di seberang laut. Secara amnya, faktor tolakan merupakan faktor dalaman yang menolak atau mendorong mereka supaya berimigrasi ke seberang laut, faktor tarikan pula merujuk kepada tarikan-tarikan yang muncul di seberang laut, yang menarik dan menentukan arah imigrasi.

### **1.6.1 Faktor Tolakan Imigrasi**

#### **1.6.1(a) Masalah Lebihan Penduduk**

Pada tahun 1700, jumlah penduduk China hanya lebih kurang 150 juta orang, namun angka ini menjangkau 430 juta orang pada tahun 1850.<sup>22</sup> Walaupun jumlah penduduk bertambah sebanyak tiga kali ganda, tetapi masalah timbul apabila pertambahan penduduk tidak seimbang dengan pertambahan tanah pertanian, keadaan begitu memaksa petani bertukar menjadi buruh atau mengganggur. Misalnya, di daerah Fuzhou 福州 yang terletak dalam provinsi Fujian 福建, tanah pertanian Fuzhou mula diterokai sejak Dinasti Tang (618-907), apabila menjelang Dinasti Qing, didapati daerah Fuzhou telah kehabisan tanah

---

<sup>22</sup> Walton Look Lai, *Renkou de Bianqian* 人口的变迁 (Perkembangan Jumlah Penduduk) dalam Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut ), m/s 52.

yang sesuai untuk diterokai, dilema ini menjadi faktor tolakan imigrasi yang penting.<sup>23</sup>

#### 1.6.1(b) Penderitaan Petani

Selain itu, bencana alam seperti banjir kemarau yang kerap berlaku banyak memusnahkan tanah-tanah pertanian dan tempat-tempat kediaman para petani. Menurut satu statistik, dalam tempoh tahun 1912 hingga 1937, kawasan Fujian dan Guangdong telah berlaku banjir sebanyak 18 kali, angka ini bererti hampir setiap tahun para petani China dilanda banjir yang merosakkan hasil pertanian.

Bencana alam seperti banjir, kemarau dan perang banyak juga memusnahkan kota-kota, hasil tanaman dan tempat kediaman. Tambahan pula, para pekerja sektor pertanian sering menderita kerana diperas oleh tuan tanah yang mengenakan sewa tanah yang tinggi. Misalnya, hampir 70% daripada jumlah tanah pertanian di kawasan provinsi Fujian dan Guangdong dimiliki oleh para tuan tanah, maka kebanyakan petani tidak dapat mengelakkan diri daripada beban sewa tanah yang tinggi. Tambahan pula, cukai yang tidak berpatutan menambahkan lagi beban para petani berikutan pakatan sulit antara pegawai pengutipan cukai dengan pemilik tanah dalam memindahkan beban cukai kepada para petani.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Somer, Mary F., *Southeast Asia's Chinese Minorities*. Australia: Longman Australia Limited, 1974, m/s 6.

<sup>24</sup> Zhen Songhua 曾松华, *Huazu Nanyi de Beijing yu Dongxiang* 华族南移的背景与动向 (Latar Belakang dan Perkembangan Penghijrahan Etnik Cina) dalam Lin Shuihao 林水壕 dan Luo Jingshan 骆静山, eds., *Malaixiya Huaren Shi* 马来西亚华人史 (Sejarah Orang Cina Malaysia).

### 1.6.2 Faktor Tarikan Imigrasi

Selain faktor tolakan, faktor tarikan yang wujud di seberang laut juga merupakan faktor penting yang mendorong imigrasi orang Cina ke seberang laut. Secara amnya, penambahan peluang ekonomi Asia Tenggara merupakan faktor tarikan utama. Asia Tenggara mengalami perubahan yang ketara selepas bermulanya zaman penjajahan barat, proses penjajahan bukan sahaja mengubah struktur politik negara-negara tersebut, malah sistem ekonomi juga mengalami perubahan besar. Ekonomi pertanian tunai atau komersial merupakan antara sistem ekonomi baru yang diperkenalkan oleh penjajah barat, ia telah memoden dan memajukan ekonomi Asia Tenggara.<sup>25</sup>

Pembukaan pelabuhan baru merupakan salah satu kesan sistem ekonomi baru. Misalnya pertemuan kawasan lombong bijih timah bukan sahaja menyebabkan kemunculan kawasan-kawasan penempatan baru, malah pelabuhan-pelabuhan baru turut terbina. Pada tahun 1884, jalan keretapi dibina antara Taiping yang muncul sebagai pusat perlombongan bijih timah dengan pelabuhan Weld. Seterusnya, pada tahun 1890, jalan keretapi dibina antara Kuala Lumpur dengan pelabuhan Klang. Menjelang tahun 1895, kawasan Kinta telah dihubungkan dengan pelabuhan Teluk Anson.<sup>26</sup> Kemunculan ekonomi baru berjaya mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan di Asia Tenggara, peluang

---

Selongor: Malaixiya Liutai Xiaoyouhui Lianhe Zonghui 马来西亚留台校友会联合总会, 1984, m/s 22.

<sup>25</sup> An Huanran 安焕然, “*Duli Qian Huaren Jingji* 独立前华人经济 (Ekonomi Orang Cina Sebelum Merdeka)” dalam Lin Shuihao 林水壕, He Qiliang 何启良, Hou Kok Chung 何国忠 dan Lai Guanfu 赖观福, eds., *Malaixiya Huaren Shi Xinbian* 马来西亚华人史新编 (Edisi Baru Sejarah Orang Cina Malaysia), Jilid 2, m/s 294-295.

<sup>26</sup> K.G. Tregonning, *A History of Malaysia and Singapore*. Singapore: Eastern University Press,

pekerjaan ini menjadi faktor tarikan penting terhadap penduduk Cina yang mengganggur.

Selain pembukaan pelabuhan baru, keperluan tenaga buruh untuk pembukaan tanah juga menarik orang Cina berimigrasi ke sini secara berkumpulan, misalnya projek pembukaan tanah pertanian di bandar Sibu dan Sitiawan telah menarik ramai orang Cina yang berdialek Fuzhou untuk berimigrasi ke sana, ada antara mereka yang berimigrasi atas ajakan saudara mara yang datang lebih awal.

### 1.7 Tiga Jenis Imigrasi

Selain pelbagai peringkat dan faktor-faktor imigrasi, jenis-jenis imigrasi orang Cina juga mendapat perhatian para sarjana. Wang Gungwu, seorang pakar dalam kajian Malaysia, mengkategorikan imigrasi orang Cina ke seberang laut kepada tiga jenis. Menurut kajian beliau, imigrasi pedagang (*The Trader Pattern*) merupakan jenis imigrasi yang paling penting. Jenis imigrasi ini meliputi para pedagang, pelombong, agen perniagaan dan diikuti oleh imigrasi para saudara mara pihak pedagang.<sup>27</sup> Para imigran jenis ini biasanya bermastautin di seberang laut, mendirikan rumahtangga dan melahirkan generasi kedua dan ketiga. Mereka menjalankan perniagaan keluarga dan ramai di antara mereka menjadi kaya raya berikutan keuntungan lumayan perniagaan keluarga. Imigrasi pedagang

---

<sup>27</sup> 1972, m/s 148-149.

<sup>27</sup> Wang Gungwu 王赓武, *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut), m/s 6-7.

mengambil berat tentang kesinambungan peradaban dan identiti kecinaan walaupun mereka sudah lama putus hubungan dengan Negeri China.<sup>28</sup>

Seterusnya, wujud pula imigrasi kuli (*The Coolie Pattern*) yang melibatkan para petani, pekerja dan penduduk bandar yang miskin.<sup>29</sup> Imigrasi kuli menjadi popular selepas tahun 1850, iaitu berikutan penemuan lombong emas di Amerikan Utara dan Australia. Imigrasi kuli bersifat sementara, mereka akan kembali ke negara asal apabila tamatnya kontrak pekerjaan.<sup>30</sup>

Imigrasi sementara atau *huqiao* (*The Sojourner Pattern*) juga dikenalpasti sebagai salah satu bentuk imigrasi yang penting. Seperti yang dihuraikan lebih awal, istilah ini membawa maksud politik, perundangan dan ideologi serta tidak mencerminkan pekerjaan para imigran. Jenis imigrasi ini juga tidak terbatas kepada para imigran petani atau buruh, sebaliknya ia merujuk kepada kesemua imigran Cina yang berada di seberang laut. Yan Qinghuang yang turut menjalankan kajian ke atas penempatan dan imigrasi Cina berpendapat imigran Cina yang bersifat penempatan sementara ini merupakan komuniti yang kuarang stabil, tertakluk kepada penguasaan pihak berkuasa tempatan dan majoriti daripada mereka berkumpul di kawasan bandar. Tujuan kedatangan mereka

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Sistem kuli (*coolie*, 苦力) merupakan satu sistem yang membawa buruh Cina ke seberang laut untuk bekerja di lombong dan kebun. Ketua lombong atau pemilik kebun akan membayar bayaran pengangkutan bagi pihak pekerja terlebih dahulu dan satu kontrak ditandatangani antara mereka. Para buruh yang dikenali kuli akan bekerja dengan tuan tersebut bagi menjelaskan hutang mereka, sila rujuk Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 61.

<sup>30</sup> Wang Gungwu 王赓武, *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut), m/s 7-8.

alah untuk mencari wang dan bniat kembali ke negara asal atau terus merantau ke benua asing bagi mencuba nasib.<sup>31</sup>

### 1.8 Penempatan Awal

Dari abad 18 hingga 20, kita dapat memerhatikan tiga pola penempatan yang diamalkan oleh orang Cina, iaitu penempatan pelabuhan, lombong dan kebun.

Penempatan pelabuhan bermula sejak Kesultanan Melaka. Pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Singapura pada tahun 1819 oleh British menarik ramai orang Cina berimigrasi ke sini. Pelabuhan awal ini bukan sahaja menjadi tempat pemunggahan para imigran, malah membolehkan orang Cina bniaga di sini dan berinteraksi dengan para pedagang asing yang lain. Secara amnya, para penduduk pelabuhan mempunyai mobiliti yang tinggi, penempatan berdekatan pelabuhan-pelabuhan utama mendedahkan mereka terhadap peradaban asing, sikap keterbukaan juga berjaya dipupuk di kalangan mereka berikutan pendedahan tersebut.

Selain pelabuhan, orang Cina mula menduduki kawasan lombong Semenanjung Malaysia sejak abad ke-19, kawasan-kawasan yang dibanjiri oleh pelombong Cina adalah seperti Lukut di Negeri Sembilan, Larut di Perak dan Kuala Lumpur di Selangor. Sejak tahun 1850 hingga 1882, orang Cina dikatakan mendominasi sektor perlombongan bijih timah. Menjelang tahun 1891, jumlah

---

<sup>31</sup> Yen Ching Hwang, *Community and Politics: The Chinese in Colonial Singapore and Malaysia*.

pekerja lombong Cina menjangkau 10 ribu orang dan angka ini mencapai 30 ribu orang. Seterusnya, pada akhir abad ke-19, dianggarkan 95% daripada jumlah keluaran bijih timah Malaya dihasilkan oleh lombong yang dimiliki oleh orang Cina.<sup>32</sup> Berbanding dengan penempatan pelabuhan, pelombong Cina jarang mempunyai peluang pendedahan kepada dunia luar dan mobiliti sosial mereka juga rendah, kebanyakannya mereka kekal menjadi pelombong seumur hidup. Selain itu, kesamaan dialek di kalangan para pelombong berjaya mengeratkan ikatan masyarakat, namun kekurangan pendedahan dan mobiliti sosial yang rendah menyebabkan keadaan penempatan lombong bersifat isolasi.

Bagi penduduk yang bertempatan kawasan kebun pula, keadaan sosial mereka mempunyai persamaan dengan penduduk lombong, iaitu mobiliti sosial yang agak rigid dan bersifat isolasi. Masyarakat lombong dan kebun Cina sering membentuk kongsi gelap bagi menjaga kebajikan ahli.

Sebelum tahun 1929, orang Cina boleh keluar masuk sempadan Malaya secara bebas. Jadi, ramai imigran baru berimigrasi ke sini secara bebas. Malangnya, kemerosotan ekonomi 1930-an memaksa banyak tapak lombong dan kilang menghentikan operasi. Justeru itu, pihak penjajah melaksanakan Ordinan Larangan Imigrasi (*Immigration Restriction Ordinance*) pada tahun 1930 dan ditambah dengan Ordinan Orang Asing (*Aliens Ordinance*). Namun, kedua-dua akta yang bertujuan mengawal kemasukan imigran asing hanya terbatas kepada

---

Singapore: Times Academic Press, 1995, m/s 1.

<sup>32</sup> Luo Jingshan 骆静山, “*Dama Bandao Huaren Jingji de Fazhan* 大马半岛华人经济的发展 (Perkembangan Ekonomi Semenanjung Malaysia)” dalam Lin Shuihao 林水壕, Luo Jingshan, eds., *Malaixiya Huaren Shi* 马来西亚华人史 (Sejarah Orang Cina Malaysia), m/s 242-243.

kaum lelaki, kaum wanita masih dibenarkan keluar masuk secara bebas bagi mengecilkan jurang perbezaan antara jantina.<sup>33</sup>

Di bawah ialah statistik peratusan pertumbuhan penduduk Cina berbanding jumlah penduduk Malaya pada tahun 1871 hingga 1941.<sup>34</sup>

Tahun	Jumlah Penduduk	Jumlah Penduduk Cina	Peratusan Penduduk Cina %
1871 <sup>35</sup>	308, 097	104, 615	34
1891 <sup>36</sup>	910, 123	391, 418	43
1901	1, 227, 195	583, 396	48
1911	2, 644, 489	914, 143	35
1921	3, 338, 545	1, 170, 551	36
1931	4, 345, 503	1, 703, 528	39
1941	5, 545, 173	2, 418, 615	44

Menurut statistik penduduk tersebut, orang Cina hampir meliputi separuh daripada penduduk Malaya dan jumlah peratusan orang Cina ternyata meningkat sejak tahun 1871. Mereka bukan sahaja bertambah dari segi jumlah bilangan malah dari segi peratusan juga memperlihatkan peningkatan mendadak, sehingga tahun 1931, jumlah mereka hampir mencapai 39 % dan 44 % pada tahun 1941.

<sup>33</sup> Ibid, m/s 3.

<sup>34</sup> Sumber: Ooi Jin Bee, *Land, People and Economy of Malaya*. London: Longmans, Green & Co., 1963, m/s 113.

<sup>35</sup> Untuk Negeri-negeri Selat sahaja.

## 1.9 Aktiviti Ekonomi dan Struktur Sosial Awal

Kebanyakan orang Cina berimigrasi ke Malaya melalui cara ajakan saudara mara dan sistem kuli, maka aktiviti ekonomi mereka juga terbatas kepada aktiviti yang dijalankan oleh saudara mara dan tuan-tuan tanah yang mengupah mereka. Secara amnya, pekerjaan awal orang Cina lebih tertumpu kepada sektor perlombongan bijih timah. Orang Cina sememangnya memberi sumbangan besar terhadap sektor perlombongan Malaya, bandar-bandar seperti Ipoh, Larut, Kinta, Batu Arang dan Kuala Lumpur muncul akibat aktiviti perlombongan tersebut. Sehingga abad ke-20, kebanyakan orang Cina tidak berminat untuk menceburi bidang pertanian. Antara sebab utama ialah mereka memilih untuk bermiaga.<sup>37</sup>

Di samping itu, ikatan persaudaraan merupakan daya tarikan yang kuat di kalangan imigran awal, ikatan ini didorong oleh bahasa dialek yang sama. Mereka sering menujuhkan persatuan sekeluarga, sekampung atau daerah bagi mengeratkan perhubungan antara mereka. Apabila bertambahnya bilangan komuniti Cina dan berlakunya transformasi daripada penumpang rantaun asing kepada penghuni tetap, keperluan ikatan antara mereka menjadi semakin penting. Mereka yang berada jauh dari kampung halaman perlu bagi menyatakan diri sesama mereka demi menghadapi cabaran persekitaran, khasnya bagi tujuan keselamatan apabila bertembung dengan masyarakat asing.

---

<sup>36</sup> Untuk Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sahaja.

<sup>37</sup> Lin Shuihao 林水壕 dan Luo Jingshan 骆静山, eds., *Malaxiya Huaren Shi* 马来西亚华人史 (Sejarah Orang Cina Malaysia), m/s 243.

Justeru itu, keperluan perikatan yang kuat dan perlindungan mendorong golongan sama dialek, daerah dan anggota sesebuah keluarga mendirikan persatuan masing-masing. Kumpulan ini adalah kumpulan majoriti, mereka tidak mempunyai pendirian politik yang jelas, hal ini akan diperjelaskan dalam bab 2.

## **Penutup**

Orang Cina merupakan penduduk awal Malaya yang hidup dalam masyarakat majmuk hasil usaha pihak penjajah yang membawa masuk pekerja asing bagi memenuhi keperluan ekonomi. Peradaban mereka merupakan pewaris peradaban Cina. Apabila tiba di Malaya, mereka telah bertembung dengan peradaban tempatan, iaitu termasuk peradaban barat dan Melayu.

Walaupun demikian, mereka dengan sedaya upaya memastikan kesinambungan peradaban Cina di rantau asing, keinginan ini terbukti dengan ikatan persaudaraan yang ketat, pengamalan tradisi dan peradaban Cina yang meluas di kalangan mereka.